

Isnin, 7 Februari 2022 **BI**

Mahdzir beramah mesra dengan pelajar ketika melawat UniKL MIAT Subang.

(Foto ihsan KPLB)

GITC wujudkan ekosistem TVET lebih bersepadu

Penubuhan selari agenda bangukan modal insan luar bandar berkualiti penuhi keperluan masa hadapan

Oleh **Samadi Ahmad**
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Penubuhan Badan Koordinasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Kerajaan-Industri (GITC) akan mewujudkan ekosistem lebih bersepadu berkaitan keperluan kemahiran dan tenaga kerja.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata GITC selari dengan agenda dan aspirasi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk membangunkan modal insan luar bandar yang berkualiti, berkemahiran dan memenuhi keperluan masa hadapan.

Beliau berkata, KPLB menyambut baik keputusan Mesyuarat Majlis TVET Negara dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang memperakukan penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Ind-

ustri yang diterajui pihak industri membolehkan badan itu dan kerajaan mengalas tanggungjawab bagi mengupayakan TVET dalam setiap rantai nilai penghasilan graduan yang berkualiti.

Menerusi Hab Kolaborasi TVET, beliau berkata, terdapat tiga institusi pendidikan TVET KPLB di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) terdiri daripada Kluster Integrasi Sistem Avionik dan Komunikasi Satelit, Institut Teknologi Penerbangan Malaysia (MIAT), Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

"Selain itu, Kluster Automasi dan Robotik Industri, UniKL MFI dan Pusat Rel Asia UniKL yang diiktiraf sebagai antara hab fasa pertama Pusat Kecemerlangan Industri di Wilayah Tengah," katanya melalui satu kenyataan media, semalam.

Khamis lalu, Mesyuarat Majlis TVET Negara bersetuju cadangan penarafan tunggal TVET dengan proses libat urus beberapa kementerian dan penggiat industri perlu dilaksanakan sebelum laporan dibentangkan pada mesyuarat majlis berkenaan yang akan datang.

"Inisiatif ini dijangka memperkukuh simbiosis ekosistem TVET dalam menghubungkan pihak yang terbabit untuk merapatkan jurang di antara permintaan dan penawaran tenaga kerja bagi merealisasikan strategi dan inisiatif yang dirangka di bawah

mandatkan dalam memacu kolaborasi bersinergi antara institusi TVET, kerajaan dan industri menerusi perkongsian sumber, kepakaran dan peralatan bagi pemerkasaan pendidikan berkenaan.

Untuk rekod, beliau memaklumkan, KPLB mempunyai 279 institusi pendidikan TVET di seluruh negara yang mempunyai kekuatan dan mengikut padanan dengan keperluan industri.

Katanya, antara jalinan kolaborasi TVET KPLB dengan pihak industri, termasuk kolaborasi strategik dengan pelbagai sektor perindustrian melalui pemeteraian 227 memorandum persefahaman (MoU) berstatus aktif.

"Kolaborasi merangkumi pembekalan teknologi terkini, kepakaran dan latihan secara profesional, pembangunan program, tenaga pengajar dan pelatih, pemindahan teknologi dan pengetahuan serta peningkatan kemahiran dan latihan semula," katanya.

Mahdzir berkata, kolaborasi itu bagi memastikan semua pelatih TVET KPLB dilengkapi kemahiran kebolehpasaran yang tinggi mengikut keperluan industri dengan kadar upah yang tinggi.

Inisiatif yang dirancang itu, katanya, mampu memperkemas dan memperkukuhkan lagi ekosistem TVET secara keseluruhannya dengan pengembele-

dustri, pelaksanaan Hab Kolaborasi TVET serta cadangan penarafan tunggal Program TVET. Katanya, penubuhan GITC

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)," kata Mahdzir. Katanya lagi, UniKL bersedia memainkan peranan yang di-

ngan bersepadu semua pihak yang berkepentingan dalam usaha memartabatkan TVET sebagai pilihan pertama kerjaya.



PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER
PressReader.com +1 604 278 4604
Copyright © 2022 PressReader.com. All rights reserved.
COPYRIGHT AND PROTECTED BY APPLICABLE LAW